

FAQ – MUTIARA PLUS

1. Apakah Pelan Takaful Mutiara Plus?

Skim Takaful yang berbentuk perlindungan berserta simpanan bagi Kematian, Keilatan Kekal Menyeluruh, Perbelanjaan Pengkebumian, Manfaat Ehsan, Manfaat Hospital dan rider-rider lain yang telah dinyatakan di dalam Sijil Induk KOBIMBING.

2. Bagaimanakah jenis bayaran sumbangan?

Bayaran sumbangan adalah dibuat melalui potongan gaji Kobimbing secara bulanan.

3. Berapakah jumlah sumbangan yang boleh saya buat untuk menyertai Skim Takaful Mutiara Plus ini?

Pilihan sumbangan bulanan yang boleh dibuat adalah RM10, RM20, RM30, RM40, RM50, RM60, RM70, RM80, RM90 dan RM100 kepada setiap ahli, pasangan dan anak-anak. Pengesahan perlindungan tertakluk kepada pengunderitan Etiqa Takaful Berhad. Penyertaan sumbangan bulanan pasangan dan anak tidak boleh melebihi sumbangan ahli.

4. Bagaimanakah cara untuk menambah sumbangan?

Sebarang penambahan sumbangan boleh merujuk terus kepada KOBIMBING dengan melengkapkan borang permohonan penambahan sumbangan. Pengesahan tertakluk kepada pengunderitan Etiqa Takaful Berhad.

5. Apakah yang dimaksudkan Penyertaan & Had Umur Pasangan/ Anak?

Pasangan iaitu suami/ isteri kepada peserta yang sah dari segi undang-undang yang berumur 19 – 59 tahun, mengikut tarikh lahir akan datang.

Anak iaitu anak ahli sah, belum berkahwin dan masih dalam tanggungan ahli. Had umur kelayakkan dari 30 hari sehingga tidak melebihi 19 tahun, boleh dilanjutkan sehingga umur tidak melebihi 23 tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa.

6. Adakah perlu untuk saya membuat pemeriksaan doktor bagi melayakkan saya untuk menyertai Skim Mutiara Plus ini?

Ahli hanya perlu membuat pengisytiharan kesihatan dengan melengkapkan borang permohonan bagi jumlah sumbangan yang melebihi RM30 (3 unit) ataupun jumlah perlindungan melebihi RM60,000.00.

7. Adakah Skim ini melindungi penyakit yang telah sedia ada?

Penyakit yang sediaada tidak dilindungi di bahawa skim ini bagi manfaat Kehilangan Upaya Kekal Menyeluruh dan Rider-rider lain.

8. Adakah Skim ini menyediakan kad?

Skim ini tidak menyediakan kad.

9. Apakah yang dimaksudkan dengan Manfaat Ehsan?

Manfaat Ehsan adalah manfaat akibat kematian yang akan diterima oleh Ahli sekiranya Pasangan ataupun Anak-Anak meninggal dunia. Jumlah manfaat adalah seperti dinyatakan di dalam Sijil Induk iaitu RM2,000.00 untuk Pasangan dan RM500 untuk Anak-Anak (had maksimum 4 kematian).

10. Adakah ahli akan diberikan Salinan Asal Sijil?

Sijil Induk diberikan kepada KOBIMBING. Ahli akan diberikan salinan sijil penyertaan individu oleh Etiqa Takful Berhad melalui email berdasarkan alamat email yang telah diberikan oleh KOBIMBING kepada pihak Etiqa Takaful Berhad. Sekiranya ahli tidak menerima sjil asal tersebut melalui email, ahli boleh terus merujuk kepada KOBIMBING untuk tindakan selanjutnya.

11. Adakah tuntutan takaful melalui KOBIMBING/ ETIQA?

Sebarang tuntutan ke atas manfaat takaful yang ditawarkan, ahli boleh merujuk kepada KOBIMBING dengan melengkapkan borang tuntutan yang berkaitan mengikut manfaat yang ditawarkan sebelum dihantar kepada Etiqa Takaful Berhad.

12. Bilakah tempoh matang untuk Sijil ini?

Tempoh matang penyertaan ahli adalah pada umur 66 tahun mengikut tarikh lahir akan datang.

Nota:

Keterangan ini adalah sebagai maklumat ringkas berkenaan Skim Mutiara Plus sahaja dan ianya adalah tertakluk kepada syarat dan terma Sijil Induk.